

Tujuh sesat lebih 48 jam

# Tak tahu anak masuk hutan

**K**UANTAN: "Saya langsung tidak diberitahu dia (Rabiatul) ada masuk ke dalam hutan." Itulah reaksi spontan ibu kepada seorang pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Rabiatul Adawiyah Jamil, 21, ketika ditemui di rumahnya di Kampung Sri Damai, Jalan Gambang di sini, semalam.

Semua mangsa yang sesat di dalam hutan Taman Rimba Kenong itu termasuk dua warga Austria, Gief Michale dan Susane Stucker masing-masing berusia 30 tahun, diikuti mahasiswa dari Universiti Malaysia Sabah (UMS), Yap Chua Meng, 24, berasal Batu Pahat, Johor dan tiga lagi mahasiswi dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor, Rabiatul Adawiyah Jamil, 21, dari Kampung Sri Damai, Kuantan; Nadia Mohd Nazam, 24, dari Felcra Tembeling Tengah, Kuala Tahan, Jerantut dan Nasorrosah Mohamad, 24, dari Sri Kembangan, Selangor itu dibawa masuk oleh jurupandu Perhilitan, Mohamad Sujaie Abdul Aziz, 35, untuk melawat Gua Gajah di kawasan taman berkenaan.

Semua mereka masuk ke

## Anak sungai jadi penyelamat

**K**UALA LIPIS: "Alur anak sungai itu menjadi penyelamat kerana ia membolehkan kumpulan itu keluar," kata Ketua Polis Daerah Lipis, Superintendan Abdul Razak Hassan, mengenai enam penuntut institusi pengajian tinggi termasuk dua warga Austria yang sesat lebih 48 jam ketika melawat Gua Gajah di Taman Rimba Kenong dekat sini.

Kumpulan berkenaan yang dibawa seorang jurupandu dari Jabatan Perhilitan

Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) itu dipercayai masuk ke kawasan taman rimba berkenaan kira-kira jam 10 pagi, 3 Ogos lalu dan hanya menemui jalan keluar jam 8 pagi semalam.

Abdul Razak berkata, semua pelancong terbabit gagal keluar dari kawasan taman rimba itu pada waktu yang ditetapkan iaitu pada jam 6 petang sebelum sepasukan anggota Perhilitan memulakan gerakan mencari.

Taman Rimba Kenong kira-kira jam 10 pagi, 3 Ogos lalu dan selepas tidak pulang kira-kira jam 6 petang pada hari sama, semua mereka dipercayai tersesat dan beberapa gerakan mengesan dilakukan serta-merta, tetapi gagal.

Bagaimanapun, semua mangsa ditemui di tepi Sungai Tenom jam 8 pagi semalam oleh pasukan penyelamat.

Kehadiran wartawan Ha-

rian Metro di rumahnya petang semalam untuk mendapatkan kenyataan berhubung insiden anaknya dan enam yang lain sesat selama lebih 48 jam di Taman Rimba Kenong, tetapi wanita berkenaan, Norehan Jamaludin, 58, serta suaminya, Jamil Ninggal, 61, seolah-olah tidak percaya mengenai apa yang berlaku ke atas anak bongsunya itu.

"Saya memang tidak tahu



**SEBAK...**Norehan menangis ketika dihubungi Rabiatul (gambar kecil), semalam.

langsung. Kalau awak (wartawan) tidak datang ke rumah dan beritahu, saya tak mungkin dapat tahu. Macam mana dengan dia?," kata Norehan sebelum diberi peluang bercakap dengan Rabiatul selepas gadis berkenaan selesai mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan Merapoh.

Sementara itu, Rabiatul yang menghubungi Norehan menerusi telefon petang semalam berkata, kumpulan itu terpaksa berjalan kaki sejauh beberapa kilometer dan tidur beralaskan daun selama dua hari tersesat di Taman Rimba Kenong.

Mengimbas semula kejadian itu, dia berkata, insiden berkenaan berlaku ketika dia bersama dua rakannya dan seorang penuntut Universiti Malaysia Sabah (UMS) serta dua pelancong Austria sedang bersiap hendak pulang

selepas mendapat arahan daripada jurupandu.

Menurutnya, ketika sedang berjalan keluar dalam keadaan hujan lebat itu, dia bersama dua rakannya, Nadia Mohd Nazam, 24, dan Nasorrosah Mohamad, 24, mula berasa tidak sedap hati apabila mendapati beberapa penanda aras laluan tiba-tiba 'ghaib' sebelum keadaan itu ditenangkan jurupandu berpengalaman dari Perhilitan.

Katanya, selepas gagal mencari jalan keluar, dia bersama rakan dan pelancong lain mengikut setiap arahan jurupandu yang meminta menenangkan diri selain tidak panik sebelum berusaha keras mencari jalan keluar sehingga lewat tengah malam menyebabkan masing-masing keletihan sebelum mereka tiba di Sungai Tenom.